

'Pendermaan Organ Menurut Perspektif Islam'

Oleh :

S.S Dato' Haji Ab. Majid bin Omar DSIS., AMN., PJK., JP

Timbalan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan

Melakukan perkara kebajikan adalah satu ibadah dan tanggungjawab dalam islam. Oleh sebab itu, menyelamatkan nyawa manusia adalah di antara tujuan 'maqassid syariah'. Asas konsep 'Maqassid Syariah' adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip untuk menyelamatkan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta benda.

Firman Allah s.w.t :

مَنْ أَجَلَ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ
فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَتْهُمْ
رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِّنْهُمْ بَعَدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ﴿٣٢﴾

Bermaksud :

'Oleh kerana itu kami tetapkan (suatu hukum) bagi Bani Israil, bahawa: barang siapa yang membunuh manusia, bukan kerana orang itu (membunuh) orang lain atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya. Dan barang siapa yang memelihara kehidupan seorang manusia, maka seolah-olah dia telah memelihara kehidupan manusia semuanya. Dan sesungguhnya telah datang kepada mereka rasul-rasul kami dengan (membawa) keterangan-keterangan yang jelas, kemudian banyak di antara mereka sesudah itu sungguh-sungguh melampaui batas dalam berbuat kerosakan di muka bumi'.

(Surah al-Maidah, ayat 32)

Kaedah pemindahan organ membuka ruang yang lebih luas untuk menyelamatkan nyawa manusia. Walaupun di Negara kita mempunyai kemudahan dan kepakaran untuk menjalankan transplan, tetapi tanpa penderma, program tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana ketiadaan organ. Pada tahun 2004, kadar pendermaan organ di Malaysia amat rendah berbanding Negara lain. Sebagai contoh, kadar pendermaan organ bagi setiap juta penduduk, Negara seperti Amerika Syarikat sebanyak 24.1%, Jerman 13.0%, United Kingdom 12.7%, Arab Saudi 2.3% dan Malaysia 0.67%.

Bilangan pesakit yang memerlukan pemindahan organ jauh melebihi bilangan organ yang diperolehi. Setiap tahun, lebih daripada 2,500 pesakit baru yang mengalami kegagalan

akhir buah pinggang. Sehingga tahun 2006, seramai 13,000 pesakit buah pinggang sedang menjalani rawatan dialisis di mana lebih 50% daripada mereka sedang menunggu untuk pemindahan organ.

Bagi pesakit yang mengalami kegagalan jantung, hati dan paru-paru, ramai yang meninggal dunia semasa menunggu untuk mendapatkan organ yang baru. Umpayanya, lebih daripada 50% pesakit yang mengalami kegagalan jantung meninggal dunia dalam penantian.

Allah s.w.t. telah berfirman:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَن شَهِدَ
مِنكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ
الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ

Maksudnya :

*“Beberapa hari yang telah ditentukan itu ialah bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan berbeza (antara yang hak dan yang bathil). Kerana itu, barang siapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, dan barang siapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. **Allah mengkehendaki kemudahan bagimu, dan tidak mengkehendaki kesukaran bagimu.** Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjukNya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur’.*

(Surah al-Baqarah, ayat 185)

Islam mengharuskan pendermaan organ, berdasarkan sumber-sumber penetapan hukum atau fatwa di Negara ini berpandukan seperti berikut:

- i. Al-Quran
- ii. As-Sunnah
- iii. Ijmak (persepakatan para ulama)
- iv. Qias (perbandingan antara hukum-hukum yang sudah ada dengan hukum-hukum yang baru)
- v. Istihsan (mengutamakan yang terbaik mengikut hukum fiqh)
- vi. Masalih mursalah (yang diterima baik dan di amalkan secara berterusan)

Sabda Rasulullah s.a.w:

“*Sesungguhnya Allah tidak menurunkan penyakit melainkan ia menurunkan bersama-sama ubat, ada orang yang mengetahuinya dan ada orang yang tidak mengetahuinya*”.

(Riwayat an-Nasa’i dan Ibn Majah)

Pemindahan organ diharuskan dalam Islam dengan syarat:

- i. Tidak ada alternatif lain yang boleh menyelamatkan nyawa pesakit.
- ii. Tidak mendatangkan mudarat yang lebih besar kepada penderma atau penerima organ.
- iii. Pendermaan organ dilakukan dengan ikhlas, dan niat untuk membantu kerana Allah s..w.t.
- iv. Pendermaan organ perlu mendapat keizinan penderma dan ahli keluarga atau warisnya.

Proses pendermaan organ perlu dilakukan dengan penuh hormat sebagai menghormati hak jenazah. Pembedahan pengambilan organ adalah satu proses yang sama seperti mana pembedahan ke atas pesakit yang masih hidup serta menghormati hak waris di samping keizinan dan persetujuan daripada waris hendaklah diperolehi sebelum sebarang proses pengambilan organ dijalankan.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya :

‘*Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang*’.

(Surab al-Baqarah: ayat 173)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Pertama bersidang pada 1 – 2 Oktober 1970 dan pada 23 – 24 Jun 1970 serta Muzakarah Kali Ke-6 bersidang pada 22 Februari 1973 telah membuat keputusan bahawa:

- i. Pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam, dan di atas kebenarannya pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:

- a. Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya difikirkan berjaya.
- b. Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan sebelum dipindahkan jantungnya.
- c. Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya.
- d. Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau daripada kaum keluarga atau keluarganya kematian akibat kemalangan.

Keputusan Fatwa Negeri Selangor membenarkan pemindahan organ, tetapi perlu mengambil kira pertimbangan-pertimbangan berikut:

- i. Di dalam keadaan mendesak atau mustahak bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya Berjaya sekurang-kurang 50%.
- ii. Di dalam keadaan jantung, kematian si mati telah dipastikan sebelum anggotanya dipindahkan.
- iii. Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau daripada kaum keluarganya di dalam kemalangan.
- iv. Tindakan sewajarnya hendaklah diperketatkan supaya tidak ada pembunuhan dan perdagangan bagi anggota manusia.

Ulama terkenal Prof. Dr. Yusof Al Qardawi, berpandangan bahawa pendermaan dan pemindahan organ daripada orang hidup dan yang telah meninggal dunia adalah harus pada saat darurat dengan syarat tidak membawa kemudaratan besar kepada penderma atau orang yang mempunyai hak atas dirinya. Penderma pula hendaklah memenuhi kelayakan menderma seperti akil baligh.

Walau bagaimanapun, pendermaan organ kepada orang kafir harbi tidak harus. Selain itu, beliau turut mensyaratkan organ yang didermakan tidak boleh menjadi bahan jual beli. Beliau turut mengaharuskan kepada waris dan wali menderma organ tertentu kaum keluarga mereka yang telah meninggal dunia, yang tidak berwasiat organnya tidak boleh diambil selepas meninggal (Kitab Fataawa Mu'asirah).

Fuqaha mutakhir telah mengharuskan pembedahan ke atas mayat dengan tujuan penyelidikan, rawatan bagi suatu penyakit atau bagi menentukan sebab-sebab jenayah. Keharusan ini adalah diasaskan kepada prinsip darurat. Perkara-perkara terlarang diharuskan apabila berlaku darurat.

Dalam amalan di Malaysia, penderma tidak boleh menetapkan siapa yang bakal mendapat organ yang didermakan. Juga dalam konteks Malaysia, orang bukan Islam di kategorikan sebagai 'Thimmi' yakni mereka yang telah memberikan taat setia kepada Negara, dan wajib dilindungi, dibantu dan diselamatkan apabila berada di dalam kesusahan atau penderitaan ini termasuklah menyelamatkan nyawa menerusi pendermaan organ.

Rasulullah mengingatkan bahawa umat Islam seharusnya menjadi orang yang membantu berbanding dengan orang yang menerima bantuan seperti maksud hadis.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah”

Oleh itu, seluruh rakyat Malaysia patut menyokong usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan menyahut seruan menderma organ seperti yang disarankan.

(Rujukan: Buku panduan Promosi Pendermaan Organ, Kementerian Kesihatan Malaysia)